

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN LARRY SOON @ LARRY SNG WEI SHIEN [ JULAU ]**

**TARIKH : 14 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN LARRY SOON @ LARRY SNG WEI SHIEN [ JULAU ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah usaha yang dilaksanakan oleh Kementerian untuk meningkatkan ketersambungan internet di kawasan Parlimen Julau terutama sekali di Pekan Pakan dan Pekan Julau.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kerajaan sentiasa berusaha menambahbaik kualiti perkhidmatan komunikasi di seluruh negara termasuklah di Parlimen Julau.
2. Melalui inisiatif yang dibiayai menerusi Kumpulan Wang Pemberian Perkhidmatan Sejagat (PPS), peluasan Liputan Jalur Lebar Mudah Alih yang merangkumi pembinaan menara komunikasi baharu dan penaiktarafan menara komunikasi sedia ada dengan perkhidmatan jalur lebar mudah alih giat dilaksanakan. Sebanyak 24 menara komunikasi baharu telah siap dibina dan beroperasi dengan liputan 3G/4G manakala 20 lokasi menara sedia ada juga telah dinaiktaraf di Parlimen Julau. Manakala terdapat 2 menara baharu dalam peringkat

**SOALAN NO : 37**

pelaksanaan. Ini adalah tambahan kepada 10 menara komunikasi yang dibina secara komersial oleh pemberi perkhidmatan di Parlimen Julau.

3. Pihak Kerajaan juga telah melancarkan Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara atau National Fiberisation and Connectivity Plan (NFCP") bagi menambahbaik dan meningkatkan liputan jalur lebar seluruh negara bagi tempoh pelaksanaan selama 5 tahun (2019-2023). Antara sasaran yang telah ditetapkan di bawah NFCP adalah 98% kawasan berpenduduk di Malaysia akan mendapat kelajuan purata 30Mbps menjelang tahun 2023 dengan menggunakan teknologi yang bersesuaian di seluruh negara. Di bawah inisiatif infrastruktur yang akan dilaksanakan di bawah NFCP, terdapat 3 buah menara komunikasi baharu akan dibangunkan di Parlimen Julau.